

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 62**

**PEMBERI PINJAMAN WANG**

**SUSUNAN BAB-BAB**

Bab

1. Gelaran pendek
  2. Tafsiran
  3. Pemberi pinjaman wang hendaklah didaftarkan dan dilesenkan
  4. Dokumen hendaklah disetemkan dengan sewajarnya
  5. Kadar-kadar ke atas bunga yang boleh dikenakan
  6. Pemberi pinjaman wang hendaklah menyimpan suatu daftar
  7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh mengubah kadar-kadar bunga dan membuat aturan-aturan
  8. Hukuman
-

## AKTA PEMBERI PINJAMAN WANG

**Untuk mempersyaratkan pendaftaran pemberi pinjaman wang dan menyekat amalan mengenakan bunga yang terlalu tinggi.**

1 tahun  
1921  
(Peng. 62  
tahun  
1951)  
21 tahun  
1955  
18 tahun  
1956  
S. 99/59

*Permulaan kuatkuasa : 1hb Januari 1922*

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Pemberi Pinjaman Wang.

Gelaran pendek

2. (1) Dalam Akta ini —

Tafsiran

“pemberi pinjaman wang” bermakna mana-mana orang yang biasanya memberi pinjaman wang dengan bunga :

Dengan syarat bahawa ungkapan ini hendaklah tidak termasuk Kerajaan atau seseorang jurubank yang dilesenkan sedemikian di bawah syarat-syarat bab 4 dari Akta Bank.

Peng. 95

(2) Seseorang yang terbukti telah memberi pinjaman wang dengan bunga pada satu-satu masa hendaklah sehingga dibuktikan sebaliknya dianggap sebagai telah biasanya memberi pinjaman wang dengan bunga.

3. (1) Tiada sesiapa pun boleh menjalankan perniagaan pemberi pinjaman wang melainkan jika dia didaftarkan sedemikian dan telah mendapat suatu lesen daripada Setiausaha Kerajaan.

Pemberi pinjaman wang hendaklah didaftarkan dan dilesenkan

(2) Daftar hendaklah mengandungi tempat kediaman pemberi pinjaman wang.

(3) Lesen-lesen hendaklah diberikan pada tiap-tiap tahun dan bayaran sebanyak \$500 hendaklah dikenakan bagi tiap-tiap lesen.

Dokumen hendaklah disetemkan dengan sewajarnya Peng. 34

4. Suatu pengakuan secara bertulis hendaklah dibuat bagi tiap-tiap pinjaman, dan bagi tiap-tiap pembayaran yang dibuat suatu keterangan wang pokok atau bunga, dan dokumen itu hendaklah disetemkan dengan nilai yang dipersyaratkan dalam Akta Setem pada waktu itu.

Kadar-kadar ke atas bunga yang boleh dikenakan

5. Kadar bunga yang akan dikenakan ke atas pinjaman hendaklah tidak melebihi dari 15 peratus setahun jika ber-cagar dan 24 peratus setahun ke atas wang kertas tangan sahaja.

Pemberi pinjaman wang hendaklah menyimpan suatu daftar

6. Tiap-tiap pemberi pinjaman wang hendaklah menyimpan suatu daftar yang menunjukkan nama, jantina, umur dan kerakyatan tiap-tiap orang yang diberi pinjaman, jumlah sebenar yang dipinjamkan, kadar bunga, dan cagaran jika ada ; dan daftar itu hendaklah dikemukakan untuk pemeriksaan mana-mana majistret apabila diminta.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh mengubah kadar-kadar bunga dan membuat aturan-aturan

7. Adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat untuk mengubah bayaran lesen atau kadar-kadar bunga, dan untuk membuat aturan-aturan dari masa ke semasa dengan kenyataan awam bagi penguatkuasaan yang berkesan Akta ini.

Hukuman

8. (1) Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat bab 3 adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$500 dan penjara selama 18 bulan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar syarat-syarat bab 4, 5 atau 6 adalah melakukan kesalahan : Hukuman, denda sebanyak \$2,500 dan penjara selama 6 bulan.